



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## **Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah**

Sukatan Pelajaran

---

# **BAHASA MELAYU**

---





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah  
Sukatan Pelajaran

# **BAHASA MELAYU**



**PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM**

**ISBN**

## **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

# **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.


## Kata Pengantar

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penyemakan kurikulum bertujuan untuk memenuhi hasrat Akta Pendidikan dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid untuk menghadapi cabaran pendidikan pada abad ke-21.

Kurikulum yang disemak semula memberikan penekanan pada nilai murni dan semangat patriotik untuk menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara maju dan masyarakat berilmu. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas, bertataetika tinggi, bijaksana, serta dapat menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara berkesan. Diharapkan kurikulum ini dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dan tabah mengatasi segala rintangan dan cabaran dalam kehidupan.

Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, bahasa perpaduan, dan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari pada peringkat sekolah menengah. Mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi selaras dengan peranannya sebagai bahasa ilmu. Kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merangkumi penggunaan bahasa yang menekankan kemahiran bahasa serta berteraskan bahasa Melayu baku.

Kementerian Pendidikan merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada setiap individu dan institusi atas sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya sukatan pelajaran ini.



**(DATO' SERI Dr. ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### **PENDAHULUAN**

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Di samping itu, komponen kesusasteraan Melayu diharapkan akan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan pada pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza di kalangan murid. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa murid.

## Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM

---

Sukatan Pelajaran memberikan gambaran menyeluruh mengenai kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah. Sukatan Pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, dan Organisasi Kandungan. Organisasi Kandungan merangkumi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Sistem Bahasa, Hasil Pembelajaran, dan Pengisian Kurikulum.

Terdapat lima dokumen sampingan yang dikenali sebagai Huraian Sukatan Pelajaran yang berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran ini disediakan bagi setiap tingkatan, iaitu dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

### **MATLAMAT**

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian.

### **OBJEKTIF**

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah murid dapat:

- i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan mengurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;
- ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;
- iii. menggunakan maklumat yang diperolehi untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;

## Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM

---

- iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan
- vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

### **ORGANISASI KANDUNGAN**

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah digubal bersesuaian dengan bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan harian semasa berinteraksi dengan orang lain, mengakses maklumat, dan untuk memahami bahan bacaan. Penggunaan bahasa ini dinyatakan dalam bentuk Hasil Pembelajaran. Hasil Pembelajaran berteraskan Kemahiran Bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis yang digabungkan dengan peraturan dalam Sistem Bahasa, dan disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Pernyataan Hasil Pembelajaran adalah dalam bentuk fungsian yang mencerminkan amalan harian dalam kehidupan sebenar masyarakat Malaysia.

Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini meliputi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum. Semua perkara ini dinyatakan di bawah.

#### **Penggunaan Bahasa**

Penggunaan bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Bagi setiap bidang terdapat Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dikuasai oleh murid.

Penggunaan bahasa bagi Bidang Interpersonal merujuk kepada kebolehan murid memulakan, membina, dan mengekalkan persahabatan serta perhubungan dengan orang lain. Penggunaan bahasa bagi Bidang Maklumat merujuk kepada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu. Penggunaan bahasa bagi Bidang Estetik merujuk kepada keupayaan murid menikmati karya sastera, melahirkan idea serta perasaan secara kreatif.

### **Kemahiran Bahasa**

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

#### *Kemahiran Mendengar*

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan.

#### *Kemahiran Bertutur*

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

#### *Kemahiran Membaca*

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca.

#### *Kemahiran Menulis*

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan untuk menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

### **Hasil Pembelajaran**

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang apa yang boleh dicapai oleh murid. Oleh itu, hasil pembelajaran memerlukan pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran murid. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Selain itu, hasil pembelajaran juga membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Terdapat dua hasil pembelajaran dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu, iaitu Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus. Hasil Pembelajaran Utama dapat dicapai dengan menguasai Hasil Pembelajaran Khusus.

### **Sistem Bahasa**

Sistem Bahasa terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, serta sebutan dan intonasi. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

### **Pengisian Kurikulum**

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan perkembangan terkini dalam pendidikan meliputi aspek pengetahuan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan masyarakat madani.

## **HASIL PEMBELAJARAN**

Hasil pembelajaran menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Hasil pembelajaran dibina dengan menyepadukan penggunaan bahasa, kemahiran bahasa, sistem bahasa, komponen kesusasteraan Melayu, dan pengisian kurikulum. Selain itu, kemahiran menonton wajar diberikan perhatian selaras dengan keperluan bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Hasil pembelajaran yang dapat dicapai bagi Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik dinyatakan di bawah.

### **I. Hasil Pembelajaran Bidang Interpersonal**

Bidang Interpersonal berfokus pada keupayaan murid berkomunikasi berasaskan bahasa dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan, dan ayat yang betul dan tepat secara bertatasusila. Bidang ini juga bertujuan untuk mengekalkan hubungan dengan rakan rapat atau orang lain melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau berurus bagi tujuan komersial. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang boleh dicapai oleh murid dalam Bidang Interpersonal ialah berinteraksi, memberikan pendapat, berunding, membuat pertimbangan, memujuk, dan berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

#### **1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra**

- 1.1 Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan, dan masyarakat dengan menggunakan kata, sebutan dan intonasi, serta nada yang sesuai.
- 1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.

- 1.3 Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan kata dan ungkapan yang sesuai.
- 1.4 Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan pelbagai soalan.
- 1.5 Berbincang dan membidas hujah dengan sopan dalam pelbagai situasi.
- 1.6 Menyatakan perasaan secara berterus terang dan beradab tentang sesuatu perkara untuk mengekalkan hubungan.

**2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan**

- 2.1 Mencetuskan idea yang bernas semasa memberikan pendapat dalam perbincangan.
- 2.2 Menghuraikan idea yang bernas secara kritis dan kreatif.
- 2.3 Memperkuat hujah dengan menggunakan contoh dan bukti.
- 2.4 Mengemukakan cadangan yang membina untuk mencapai tujuan perbincangan.
- 2.5 Memberikan penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan.

**3.0 Berunding secara santun untuk mendapat persetujuan dan kata sepakat**

- 3.1 Berbincang dengan menggunakan ragam bahasa dan gaya pengucapan yang betul semasa berunding.

- 3.2 Berbincang untuk menerima dan menolak pandangan orang lain secara terbuka untuk mencapai kata sepakat.
- 3.3 Menyatakan pendirian yang jelas dengan mengemukakan maklumat yang relevan.
- 3.4 Mempertimbangkan semua aspek yang dikemukakan dalam perundingan secara rasional untuk mencapai kata sepakat supaya diterima oleh semua pihak.

#### **4.0 Membuat pertimbangan untuk mencapai keputusan**

- 4.1 Mengesan kecondongan pendapat dan menimbangkan pelbagai pilihan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.
- 4.2 Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil bagi meyakinkan pihak yang terlibat.

#### **5.0 Memujuk untuk mempengaruhi pihak lain untuk melakukan sesuatu**

- 5.1 Berbicara dan merayu dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang dapat memberikan kesan memujuk untuk mendapatkan sesuatu.
- 5.2 Menggunakan hujah yang bernas dan meyakinkan untuk mempengaruhi pihak lain dalam pelbagai situasi.
- 5.3 Merayu dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk memujuk pihak lain.

**6.0 Berurus dengan pihak tertentu untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan**

- 6.1 Menggunakan sebutan, intonasi, dan unsur paralinguistik yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.
- 6.2 Menggunakan perkataan, ungkapan, ayat, dan laras bahasa yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.
- 6.3 Mengambil tindakan susulan terhadap pihak tertentu yang berkaitan dengan barangan dan perkhidmatan.

**II. Hasil Pembelajaran Bidang Maklumat**

Bidang Maklumat berfokus pada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu. Pemerolehan maklumat didapati melalui aktiviti mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat daripada multimedia. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang dapat dicapai oleh murid dalam Bidang Maklumat ialah mendapat, memproses, dan menyampaikan maklumat.

**7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton**

- 7.1 Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama, isi penting, dan isi relevan tentang bahan yang didengar, dibaca, dan ditonton.
- 7.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks.
- 7.3 Mengemukakan soalan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

## Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM

---

- 7.4 Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk membuat rujukan pelbagai bahan bercetak dan bahan elektronik.
- 7.5 Memahami dan meneliti maksud tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan.
- 7.6 Membezakan fakta dengan pandangan dalam bahan yang dirujuk.
- 7.7 Memahami laras bahasa bagi pelbagai bahan untuk memperoleh maklumat.

### **8.0 Memproses maklumat untuk keperluan tertentu**

- 8.1 Menyaring maklumat mengikut klasifikasi.
- 8.2 Menyusun maklumat mengikut keutamaan.
- 8.3 Membuat pertimbangan secara teliti terhadap maklumat yang telah disusun.
- 8.4 Mengolah maklumat secara koheren untuk tujuan tertentu.
- 8.5 Mentafsirkan maklumat yang telah dipilih secara rasional untuk membuat inferens.
- 8.6 Menyemak semula maklumat dan memutuskan sama ada hendak menerima, menambah, atau menolak pilihan.
- 8.7 Menilai secara keseluruhan sesuatu maklumat dengan memberikan alasan yang kukuh.
- 8.8 Membuat rumusan dengan alasan yang munasabah.

**9.0 Menyampaikan maklumat untuk tujuan tertentu**

- 9.1 Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan kohesif.
- 9.2 Menentukan format penyampaian dan jenis penulisan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.
- 9.3 Menyediakan kerangka penyampaian dan bahan edaran untuk membuat pembentangan.
- 9.4 Menyediakan hujah dan alasan serta menyampaikan maklumat untuk sesuatu pembentangan.

**III. Hasil Pembelajaran Bidang Estetik**

Bidang Estetik berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Bidang Estetik juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, membuat apresiasi, dan penghayatan. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dicapai oleh murid dalam Bidang Estetik ialah memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif.

**10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastera**

- 10.1 Menceritakan semula sesebuah karya secara keseluruhan.
- 10.2 Mengenal pasti perkara yang menarik dalam sesebuah karya.
- 10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi.

- 10.4 Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran.
- 10.5 Menghuraikan maksud, gaya bahasa, dan unsur bunyi dalam puisi.
- 10.6 Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan.

**11.0 Menguasai gaya bahasa dan laras bahasa dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif**

- 11.1 Mengenal pasti gaya bahasa dalam karya bukan sastera serta menggunakannya dalam penulisan bukan kreatif.
- 11.2 Menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera serta menggunakannya dalam penulisan kreatif.
- 11.3 Membandingkan penggunaan laras bahasa dalam pelbagai genre.

**12.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif**

- 12.1 Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah, dan menarik.
- 12.2 Mengemukakan isi yang bernas dan membina kerangka penulisan.
- 12.3 Membina ayat topik dan ayat huraian untuk membina perenggan yang kohesif.
- 12.4 Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheren.

- 12.5 Membina baris puisi dengan kemas dan indah.
- 12.6 Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan.

*Nota:*

*Senarai karya komponen kesusasteraan Melayu dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 adalah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000 bertarikh 23 Februari 2000. Senarai karya mungkin akan bertukar dari masa ke masa.*

## **SISTEM BAHASA**

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

### **1.0 Tatabahasa**

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

#### **1.1 Morfologi**

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata, dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
  - i. kata asli bahasa Melayu
  - ii. kata pinjaman bahasa Melayu
  
- b. Bentuk kata terdiri daripada:
  - i. kata tunggal
  - ii. kata terbitan
  - iii. kata ganda
  - iv. kata majmuk

Proses pembentukan kata meliputi:

- i. pengimbuhan
- ii. penggandaan
- iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

- c. Golongan kata terdiri daripada:
  - i. kata nama
  - ii. kata kerja
  - iii. kata adjektif
  - iv. kata tugas

### 1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat.

Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- a. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
- b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- e. Binaan ayat:
  - i. ayat dasar
  - ii. ayat tunggal
  - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk
- f. Proses penerbitan ayat:
  - i. konsep ayat terbitan
  - ii. proses pengguguran
  - iii. proses penyusunan semula
  - iv. proses peluasan
- g. Aspek tanda baca

### **2.0 Sistem Ejaan**

Perkara yang ditekankan ialah:

- a. pola keselarasan huruf vokal
- b. ejaan kata pinjaman
- c. ejaan kata dasar dan kata terbitan

### **3.0 Sebutan dan Intonasi**

Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan sesuatu maksud dengan tepat.

- a. Sebutan  
Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

b. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- i. ayat penyata
- ii. ayat tanya
- iii. ayat perintah
- iv. ayat terbalik atau ayat songsang
- v. ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

#### 4.0 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembang agar murid dapat mengungkapkan maklumat dan buah fikiran selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah menengah.

#### 5.0 Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia.

*Nota:*

- *Buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.*
- *Buku Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.*

## **PENGISIAN KURIKULUM**

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu ilmu daripada pelbagai bidang ilmu dan disiplin, peraturan sosiobudaya, serta kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini diajarkan dalam konteks bagi Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini diberikan di bawah.

### **1.0 Ilmu**

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu sains dan geografi yang dapat digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **2.0 Nilai**

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung, serta dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

### **3.0 Kewarganegaraan**

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

#### **4.0 Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya dalam pembelajaran Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

#### **5.0 Kemahiran Bernilai Tambah**

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah yang sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Sehubungan dengan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah.

##### **5.1 Kemahiran Berfikir**

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir, sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

##### **5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat melalui internet.

### 5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

### 5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pembelajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

### 5.5 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

## 5.6 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, lebih yakin, dan lebih seronok untuk belajar sepanjang hayat.

## 5.7 Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.